

**PERSATUAN PENDUDUK JALAN 3/2, 3/3, 3/4 SEKSYEN 3
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**
(No Pertubuhan: PPM-003-10-10102020)

Alamat : 5 Jalan 3/2H, 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan
Emel : ppj3.234s3@gmail.com <https://ppj3-234s3.my/> Telefon: 012-350-1570



Semua Ahli
Persatuan Penduduk
Jalan 3/2, 3/3, 3/4 Seksyen 3
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

10 Disember 2024

اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera

Tuan / Puan

**JEMPUTAN MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG BIL 1/2025 BAGI TAHUN 2024
PERSATUAN PENDUDUK, JALAN 3/2, 3/3, 3/4 SEKSYEN 3 BANDAR BARU
BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Persatuan Penduduk Bil 1 / 2025 bagi tahun 2024 akan diadakan seperti berikut:

TARIKH	19 Januari 2025 Ahad
WAKTU	09:00 pagi - 12:00 tengah hari
LOKASI	Dewan Solat Utama, Surau Al Madani

Sukacita dimaklumkan bahawa semua **Ahli Persatuan** adalah dijemput hadir.

3. Agenda Mesyuarat seperti di **LAMPIRAN A**.

4. Jawatankuasa Jemputan berharap agar ahli yang merancang untuk hadir, dapat **mengesahkan kehadiran** secara terus atas talian **sebelum 05 Januari 2025**. Maklumat tersebut adalah penting bagi membuat anggaran kos makan minum.

5. Notis mesyuarat ini dikeluarkan selaras dengan Fasal 7 (4) Perlembagaan. Persatuan amat berharap ahli dapat meluangkan masa menghadiri Mesyuarat Agung Bil 1 tahun 2025 Bagi Tahun 2024.

Sekian. Terima Kasih.



(Hamdan Bin Mohd Salleh)
Setiausaha
Persatuan Penduduk

Nota: Klik untuk akses dokumen dan maklumat secara maya:-

- a) [Borang Mengesahkan Kehadiran Mesyuarat Agung Bil 1 tahun 2025 Bagi Tahun 2024;](#)
- b) [Cadangan / usul / penambahbaikan;](#)
- c) [Perlembagaan Persatuan Penduduk;](#)
- d) [Semak Bayaran Yuran;](#) dan
- e) [Senarai Ahli Persatuan.](#)

LAMPIRAN A

LAMPIRAN A

**AGENDA
MESYUARAT AGUNG
BIL 1/2025 BAGI TAHUN 2024
PERSATUAN PENDUDUK JALAN 3/2, 3/3, 3/4 SEKSYEN 3,
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN
Nombor Pertubuhan : PPM-003-10-10102020**

BIL	WAKTU	PERKARA
1	09:00	Pendaftaran
2	09:30	Bacaan Doa oleh Timbalan Pengerusi Tuan Hj Rosli Bin Selamat
3	09:35	Ucapan Aluan Pengerusi
4	09:45	Membentang dan meluluskan Minit Mesyuarat Agung Bil 1/2024 Bagi Tahun 2023 (LAMPIRAN A1 – MS 5)
5	10:00	Perkara Berbangkit (LAMPIRAN A2– MS 13)
6	10:20	A) Membentang Laporan Setiausaha (LAMPIRAN A3 – MS 16)
		B) Membentang Laporan JKK Keselamatan (LAMPIRAN A4 – MS 20)
		C) Membentang Laporan JKK Kesejahteraan & Alam Sekitar (LAMPIRAN A5 – MS 23)
		D) Membentang Laporan JKK Sukan & Riadah (LAMPIRAN A6 – MS 25)
		E) Membentang Laporan JKK Teknologi (LAMPIRAN A7 – MS 27)
		F) Membentang Laporan JKK Kesihatan (LAMPIRAN A8 – MS 29)
		G) Membentang dan meluluskan Laporan Bendahari (LAMPIRAN A9 – MS 31)
7	11:20	Cadangan / Usul dan Penambahbaikan
8	11:45	Hal-hal lain
9	12:00	Penangguhan Mesyuarat
10	12:30	Jamuan

LAMPIRAN A1

LAMPIRAN A1

**PERSATUAN PENDUDUK JALAN 3/2, 3/3, 3/4 SEKSYEN 3
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

(No Pertubuhan: PPM-003-10-10102020)

Alamat : 5 Jalan 3/2H, 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan

Emel : ppj3.234s3@gmail.com Telefon: 012-350-1570



Semua Ahli
Persatuan Penduduk
Jalan 3/2, 3/3, 3/4 Seksyen 3
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

27 Januari 2024

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera


Tuan / Puan

**MINIT MESYUARAT AGUNG BIL 1/2024 BAGI TAHUN 2023 PERSATUAN
PENDUDUK, JALAN 3/2, 3/3, 3/4 SEKSYEN 3 BANDAR BARU BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini disertakan Minit Mesyuarat Agung yang telah diadakan pada 26 Januari 2024 untuk makluman dan tindakan bersama.

Sekian. Terima Kasih.


(Hamdan Bin Mohd Salleh)
Setiausaha
Persatuan Penduduk

MINIT MESYUARAT AGUNG BIL 1/2024 BAGI TAHUN 2023
PERSATUAN PENDUDUK JALAN 3/2, 3/3, 3/4 SEKSYEN 3
BANDAR BARU BANGI

No Persatuan : PPM-003-10-10102020

TARIKH	:	26 Januari 2024
HARI	:	Jumaat
WAKTU	:	7:50 Malam
LOKASI	:	Dewan Solat Utama, Surau Al Madani Jalan 3/3 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi

1. SENARAI KEHADIRAN

Senarai kehadiran adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

2. PENDAFTARAN AHLI MESYUARAT

2.1 Tuan Setiausaha telah mohon semua Ahli Persatuan yang hadir untuk tandatangan **Senarai Kehadiran** bagi tujuan rekod. Bagi memudahkan proses, senarai kehadiran dicetak mengikut susunan abjad **Nama Ahli**.

2.2 Perlembagaan Persatuan Fasal 7 (1) menetapkan sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah AJK, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agong bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi kuorum untuk mesyuarat.

2.3 Sebagai makluman, sehingga 26.01.2024, seramai 177 orang ahli telah berdaftar dengan Persatuan termasuk 7 orang ahli jawatankuasa. Oleh itu, cukup kuorum bermakna 89 orang atau 14 orang ahli perlu hadir mana yang kurang. Mesyuarat ambil maklum **65** ahli hadir.

2.4 Tuan Setiausaha mengesahkan mesyuarat cukup kuorum serta Notis Mesyuarat telah diedar pada 05.01.2024 iaitu sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh mesyuarat.

3. BACAAN DOA

3.1 Bacaan doa telah dipimpin oleh Tuan Hj Abdul Halim Bin Mutaref.

4. UCAPAN ALUAN Pengerusi Persatuan Penduduk

4.1 Tuan Pengerusi mengalu alukan kehadiran hadirin dengan merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana luangkan masa ambil bahagian pada mesyuarat Agong Bil 1/2024 bagi tahun 2023. Tuan Pengerusi

juga sampaikan ucapan terima kasih kepada Pengurusan Surau Al Madani yang telah beri izin untuk adakan AGM di Surau Al Madani.

4.2 Mesyuarat dijangka tidak lebih dari 2 jam kerana agenda telah disusun dengan baik serta banyak perkara telah dilaksanakan.

4.3 Tuan Pengerusi mohon ahli persatuan ambil ingatkan akan beberapa perkara iaitu:

- a) Sesebuah organisasi boleh berfungsi dengan berkesan sekiranya ada peruntukan kewangan yang mencukupi. Sekiranya peruntukan tidak mencukupi, maka hanya program yang penting atau kritikal untuk kelangsungan organisasi saja akan dilaksanakan. Sekiranya itu juga tidak dapat ditampung, maka aktiviti kritikal juga akan ditamatkan.
- b) Persatuan Penduduk telah beroperasi sejak Oktober 2020. Bilangan rumah dalam kawasan 3/2, 3/3, 3/4 adalah lebih kurang 200. Setelah ditolak **Kumpulan Asnaf, Rumah tidak penghuni, Rumah yang membekal bekalan elektrik kepada Persatuan Penduduk**, maka terdapat 191 rumah / penduduk layak untuk menjadi ahli serta menyumbang kepada program kawalan keselamatan. Setelah melaksanakan pelbagai usaha, Persatuan berjaya yakinkan 177 penduduk menjadi ahli dan baki seramai 14 penduduk enggan menyertai Persatuan Penduduk.
- c) Tuan Pengerusi maklumkan walaupun semua 191 penduduk menjadi Ahli Persatuan, Persatuan Penduduk masih tidak dapat melunaskan **Yuran Bulanan Keselamatan**.
- d) Tuan Pengerusi telah juga imbas kembali akan keputusan yang telah dibuat dalam 3 Mesyuarat Agung yang lepas seperti di **LAMPIRAN B**.

4.4 Mesyuarat dimaklumkan secara umum bahawa Persatuan telah berjaya dapatkan kerjasama MPKJ melalui Ahli Majlis serta ADUN Sungai Ramal. Beberapa kerja2 pembersihan, pembaikan, gotong royong dan turap jalan masuk ke Surau telah dapat dilaksanakan.

4.5 Aktiviti terakhir yang dapat dilaksanakan adalah dengan kerjasama ROS atau Pejabat Pendaftar Pertubuhan yang telah bersetuju untuk berikan geran **ONE OFF** berjumlah RM10,000 kepada Persatuan.

4.6 Lima sesi **Knowledge Sharing Sessions** serta Pemeriksaan Perubatan telah dapat diatur. Butiran lanjut ada terdapat dalam Laporan-laporan Jawatan Kuasa Kecil.

4.7 Akhir sekali Tuan Pengerusi rakamkan ucapan terima kasih kepada semua AJK yang telah membantu sumbang masa, tenaga dan idea untuk menggerakkan aktiviti Persatuan.

5. MEMBENTANG DAN MELULUSKAN MINIT MESYUARAT AGONG BIL 2/2022 BAGI TAHUN 2022.

5.1 Setiausaha telah membentangkan Minit Mesyuarat Agong Bil 2/2022 bagi tahun 2022 yang telah diadakan pada 30.10.2022 untuk pengesahan mesyuarat. Minit telah diedarkan pada 31.10.2022.

- i. Terdapat kesilapan “PP” pada muka surat 16. Item sebenar adalah “Jawatankuasa Persatuan Penduduk”;
- ii. Tuan Hj Saharuddin Bin Abd Aziz No Ahli 073 telah mengesahkan Minit Mesyuarat Agong Bil 2/2022 bagi tahun 2022; dan
- iii. Prof Dr Hj Mohd Shahwahid Bin Hj Othman No Ahli 120 menyokong.

6. PERKARA BERBANGKIT

- a. Tuan Setiausaha telah membentangkan maklum balas terhadap perkara yang berbangkit dalam Mesyuarat Agong lepas.
- b. Mesyuarat ambil maklum dan menerima penjelasan yang dikemukakan oleh Tuan Setiausaha.

Tindakan: Makluman

7. MEMBENTANG LAPORAN-LAPORAN AJK UNTUK MAKLUMAN

7.1 Mesyuarat ambil maklum dan bersetuju akan pembentangan laporan AJK seperti berikut:

- 6.1 Laporan Setiausaha (**LAMPIRAN A3** – MS 19);
- 6.2 Laporan JKK Keselamatan (**LAMPIRAN A4** – MS 23);
- 6.3 Laporan JKK Kesejahteraan & Alam Sekitar (**LAMPIRAN A5** – MS 28);
- 6.4 Laporan JKK Sukan & Riadah (**LAMPIRAN A6** – MS 33);
- 6.5 Laporan JKK Teknologi (**LAMPIRAN A7** – MS 35);
- 6.6 Laporan JKK Kesihatan (**LAMPIRAN A8** – MS 38); dan

Tindakan: Makluman

- 6.7 Laporan Bendahari (**LAMPIRAN A9** – MS 41);

7.2 Mesyuarat setuju menerima Laporan Bendahari.

Tindakan: Persatuan Penduduk

7.3 Mesyuarat ambil maklum Laporan Kewangan Bendahari tidak memerlukan perincian yang sebegitu terperinci dan mungkin boleh ditambah baik di masa hadapan.

Tindakan: Makluman

8. USUL DAN CADANGAN

8.1 Mesyuarat dimaklumkan terdapat 2 usul dikemuka pada tarikh tutup kemuka usul seperti berikut:-

USUL / CADANGAN / PENAMBAHBAIKAN							
I	USUL MENINGKAT YURAN BULANAN BAGI MENAMPUNG AKTIVITI PERSATUAN PENDUDUK						
		AMAUN YURAN BULANAN (RM)					
PERKARA	BILANGAN AHLI	SEMASA	#1	#2	#3	#4	#5
		50	60	70	80	90	100
BILANGAN AHLI	177	8,850	10,620	12,390	14,160	15,930	17,700
KOS TETAP		10,200	10,200	10,200	10,200	10,200	10,200
BAKI		-1,350	420	2,190	3,960	5,730	7,500
1. Yuran sebanyak RM50 dikenakan sejak April 2010. 2. Kos tetap bulanan adalah dalam lingkungan RM10,200.00 untuk khidmat 3 orang Pengawal keselamatan (24x7). 3. Bilangan maksimum ahli adalah 177 orang. 4. PP telah usaha tingkatkan bilangan ahli (Surat Peringatan 07.09.2023, 02.11.2023 dan 24.09.2023 dan makluman selepas solat Maghrib) serta lawatan ke rumah. ALTERNATIF: i. Pada kadar semasa (RM50), PP tampung kos operasi RM1,350.00 sebulan. ii. Pada kadar RM60, PP ada baki positif RM420.00 sebulan. iii. Pada kadar RM70, PP ada baki positif RM2,190.00 sebulan. iv. Pada kadar RM80, PP ada baki positif RM3,960.00 sebulan. v. Pada kadar RM90, PP ada baki positif RM5,730.00 sebulan. vi. Pada kadar RM100, PP ada baki positif RM7,500.00 sebulan. PERAKUAN: JKPP peraku Yuran Bulanan dinaikkan kepada RM80.00 sebulan. Nota: [1] – Mesyuarat Agong Bil 2/2022 Bagi Tahun 2022 telah setuju yuran bulanan dinaikkan maksimum 20% atau RM10 menjadikan jumlah RM60 sebulan.							
PENYELESAIAN: Yuran Bulanan dinaikkan kepada RM80.00 sebulan							
KEPUTUSAN: Mesyuarat Agung setuju Yuran Bulanan dinaikkan kepada RM80 sebulan							

USUL / CADANGAN / PENAMBAHBAIKAN	
II	AHLI PERSATUAN YANG MENINGGAL DUNIA DIGANTIKAN KEAHLIANYA SECARA AUTOMATIK DENGAN MELANTIK SAMAADA ISTERI ATAU SUAMI ATAU ANAK
PENYELESAIAN: Keahliannya diganti secara automatik dengan melantik samada isteri atau suami atau anak	
KEPUTUSAN: Mesyuarat Agung setuju keahliannya diganti secara automatik dengan melantik samada isteri atau suami atau anak apabila berlaku kematian Ahli Persatuan.	

9. HAL-HAL LAIN

- 9.1 Mesyuarat dimaklumkan akan pemasangan **Tower 5G** di persimpangan Jalan 3/3 dan Jalan Masuk ke Surau Al Madani diantara Taman Mainan Kanak-kanak dan Gelanggang Bola Jaring.
- 9.2 Satelah berbincang dengan mendalam, resolusi Mesyuarat adalah untuk kemuka bantahan kepada Majlis Tempatan melalui Ahli Dewan Undangan Negeri dengan mengambil kira justifikasi berikut:-
- 9.2.1 Keselamatan;
 - 9.2.2 Kawasan riadah;
 - 9.2.3 Terlalu hampir dengan laluan jalan masuk keluar ke surau, Taman Mainan kanak-kanak dan Gelanggang Bola Jaring;
 - 9.2.4 Struktur dibina atas rizab jalan;
 - 9.2.5 Tiada bukti pembinaan struktur tidak membahayakan pengguna dan penduduk setempat; serta
 - 9.2.6 Pembinaan tidak dirujuk terlebih dahulu kepada Persatuan Penduduk.

Tindakan: Persatuan Penduduk

- 9.3 Mesyuarat dikemukakan cadangan menarik minat kumpulan muda melalui pelbagai aktiviti seperti Kumpulan Kompang, ICT dan atau Seni mempertahankan diri. Mesyuarat setuju untuk memperhalusi cadangan berkenaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Penduduk.

Tindakan: Persatuan Penduduk

9.4 Restoran Semi D di No 1 Jalan 3/4D.

Tuan Punya restoran telah maklumkan Mesyuarat bahawa restoran tersebut telah dibuka pada bulan Januari 2023 dengan mengambil 25 orang pekerja. Waktu operasi adalah dari jam 3 petang hingga 11 malam dan tutup setiap Isnin. Pelbagai usaha telah diambil untuk kawal trafik serta keselamatan pengguna dan penduduk setempat. Pemilik juga maklumkan bahawa ketenteraman awam adalah amat diutamakan.

- 9.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua pekerja dicarum kepada KWSP.

- 9.6 Di akhir perbincangan, undian telah dibuat sama ada untuk bertoleransi dengan keberadaan Restoran dimana 27 ahli telah menyokong dan 11 ahli membantah.
- 9.7 Mesyuarat setuju pemilik restoran *engage* dengan Penduduk di Jalan 3/4D.

Tindakan: Setiausaha

10. PENANGGUHAN MESYUARAT

- 10.1 Tuan Pengerusi merakamkan setinggi penghargaan kepada semua ahli Persatuan yang telah ambil bahagian dan dengan lafaz
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.
- 10.2 Mesyuarat Agong Bil 1/2024 bagi tahun 2023 Persatuan Penduduk Jalan 3/2, 3/3, 3/4 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi di tangguh pada jam 9:20 malam.

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT AGUNG BIL 1/2024 BAGI TAHUN 2023
PERSATUAN PENDUDUK JALAN 3/2, 3/3, 3/4 SEKSYEN 3
BANDAR BARU BANGI
No Persatuan : PPM-003-10-10102020

BIL	NAMA	GELARAN	NO AHLI PP
1	Ab Rahim Bin Bakar	Dr Hj	71
2	Ab. Aziz Bin Ibrahim	Hj	44
3	Abd Ghani Bin Abdullah	Hj	102
4	Abd Shukor Abd Rahman	Dato' Dr Hj	18
5	Abdul Halim Bin Mutaref	En	138
6	Abdul Halim bin Shaari	Prof Dr Hj	118
7	Abdul Jalil Abdul Kader	Prof Dr Hj	64
8	Abu Kasim Bin Ali	Hj	28
9	Adnan Mohd Zain	Hj	22
10	Afif bin Dato Hj Badroddin	En	87
11	Afifuddin bin Abdul Kadir	Dato'	17
12	Ahmad Hanif Bin Mohamed Rashidi	En	96
13	Anuar Bin Ramle	Hj	29
14	Asrulsani Shahnnon	Hj	15
15	Dahlan Hj Mohd	Dr Hj	10
16	Dzolkhifli Omar	Prof Dr Hj	1
17	Fakhruddin Bin Mohd Yusof	Hj	100
18	Gazali Bin Jaafar	Hj	142
19	Haizam Affandy Bin Hamzah	En	42
20	Hamdan Ghazali	En	136
21	Hamdan Md Salleh	En	5
22	Hanipah Ismail	En	4
23	Hassan Mat Daud	Dato' Dr Hj	13
24	Idris Bin Omar	Hj	60
25	Ishak Bin Yussof	Prof Dr	101
26	Ismail bin Mohamed	Hj	46
27	Jaafar Bin Ahmad	Hj	76
28	Kamarudin Bin Mat Nor	Hj	86
29	Mad Nasir Shamsudin	Dato' Prof Dr	38
30	Mansor bin Jusoh	PE Dr Hj	34
31	Marzuki Hj Che Omar	Hj	30

BIL	NAMA	GELARAN	NO AHLI PP
32	Md Shah Hussin	Hj	26
33	Mohamad Azam Bin Kamis	Hj	98
34	Mohamad Bin Ali	Hj	12
35	Mohamed Hasbi Bin Yaacob	Hj	91
36	Mohamed Tajudin Bin Mohd Nordin	Hj	113
37	Mohamed Yusoff bin Mohd Noor	Dr Hj	3
38	Mohd Ashhar Hj Khalid	Dato Dr Hj	58
39	Mohd Dhari Othman	Dr	40
40	Mohd Khairil Bin Md Hussain	En	104
41	Mohd Khairuddin Bin Harun	En	152
42	Mohd Mustafah Bin Mohd Abdul Rahman	Hj	43
43	Mohd Norddin Mohd Yusof	Hj	75
44	Mohd Sabri Abdullah	Dr	20
45	Mohd Shahwahid bin Hj. Othman	Prof Dr Hj	120
46	Mohd Suria Affandi Bin Yusoff	Dr Hj	41
47	Mohd Taib Bin Pardi	Hj	72
48	Mohd Tohit Bin Liri	Hj	27
49	Mohd Zainal Ismail	En	25
50	Nik Mustapha Raja Abdullah	PE Tan Sri Dato' Dr	35
51	Nordin Bin Hj.Mokhtar	Hj	175
52	Osman Bin Hj Abd Aziz	Hj	11
53	Othman Ahmad	En	23
54	Raja Malik Raja Mohamed	YM Dato' Dr	37
55	Rasdi Bin Mohamad	Hj	95
56	Razali Abdul Kader	Prof Dr Hj	7
57	Rosli Bin Selamat	Hj	81
58	Saadullah bin Dato' Hj Mohd Redza	Dato' Hj	89
59	Saharuddin Bin Abd Aziz	Hj	73
60	Shamsuddin Bin Baharin	Prof Dr Hj	50
61	Tajurudin Bin Mat Noh	Hj	32
62	Thuraiyen Nadzrah M Ghazali	Hjj	126
63	Yahaya Mat Dak	Hj	33
64	Zahidah Hj Ismail	Puan	148
65	Zubaid Akbar Bin Mukhtar Ahmad	Prof Dr	52

TURUT HADIR:	
1	Sheikh Saddiq Ahmed Abdo
2	Zaini Bt Amir
3	Siti Romlah

**KEPUTUSAN SERTA SENARAI MESYUARAT AGUNG
BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

BIL	TAHUN MESYURAT / NAMA MESYUARAT	JEMPUTAN MESYUARAT DIKELUARKAN / TARIKH MESYUARAT	LOKASI	KEPUTUSAN MESYUARAT
1	2020 Mesyuarat Agong Bil 1/2021 Bagi Tahun 2020	07.07.2021 01.08.2021	ONLINE	A. Keputusan Undi bagi Pelantikan Ahli Jawatankuasa, Penasihat / Penaung dan Juruaudit, Persatuan Penduduk oleh Setiausaha Mesyuarat a) Pengerusi b) Timbalan Pengerusi c) Setiausaha d) Penolong Setiausaha e) Bendahari f) Ahli JK 1 g) Ahli JK 2 h) Penasihat / Penaung dan i) Juruaudit B. Pengesahan lantikan AJK. C. Pengesahan Pembukaan Bank.
2	2021 Mesyuarat Agong Bil 1/2022 Bagi Tahun 2021	01.02.2021 20.02.2022	Gelanggang Bola Keranjang Jalan 3/3	A. Membentang dan meluluskan Minit Mesyuarat Agong Bil 1/2021 Bagi Tahun 2020; dan B. Membentang dan meluluskan Laporan-laporan Jawatankuasa.
3	2022 Mesyuarat Agong Bil 2/2022 Bagi Tahun 2022	01.10.2022 30.10.2022	Gelanggang Bola Keranjang Jalan 3/3	A. Membentang dan meluluskan Minit Mesyuarat Agong Bil 1/2022 Bagi Tahun 2021; B. Meluluskan Peraturan Penggunaan Gelanggang Bola Keranjang (GBK) Dan Taman Mainan Kanak-Kanak (TMKK); C. Meluluskan Pelan Induk Persatuan Penduduk Bagi Jangka masa 3 Tahun Bermula 24.08.2022 Hingga 24.08.2025; D. Membentang dan meluluskan Laporan-laporan Jawatankuasa. E. Pemilihan AJK a. Pengerusi (1) b. Timbalan Pengerusi (1) c. Setiausaha (1) d. Bendahari (1) e. AJK (2) f. Helwani (2) g. Juruaudit (1) F. Setuju pelantikan AJK dibuat setiap 3 tahun; G. SETUJU AJK memegang jawatan maksimum selama 2 penggal atau 6 tahun dan tidak boleh dilantik semula;

BIL	TAHUN MESYURAT / NAMA MESYUARAT	JEMPUTAN MESYUARAT DIKELUARKAN / TARIKH MESYUARAT	LOKASI	KEPUTUSAN MESYUARAT
				H. Setuju tiada lantikan untuk wakil Helwani kerana kesukaran kenal pasti calon; I. SETUJU AJK diberi kuasa untuk menaikkan yuran bulanan tidak melebihi 20% yuran semasa sekali dalam setahun; dan J. SETUJU Jawatan Penolong Setiausaha dimansuhkan.

LAMPIRAN A2

PERKARA BERBANGKIT

BIL	RUJUKAN	PERKARA	MAKLUMBALAS
1	Para 7(2)	Mesyuarat setuju menerima Laporan Bendahari.	i. Laporan Bendahari telah dikemuka kepada ROS pada 03 Februari 2024.
2	Para 8(1)	Yuran Bulanan dinaikkan kepada RM80.00 sebulan	i. Yuran Bulanan Khidmat Kawalan Keselamatan dinaikkan mulai Februari 2024.
3	Para 8(2)	Keahliannya diganti secara automatik dengan melantik samada isteri atau suami atau anak apabila berlaku kematian Ahli Persatuan.	i. Dikuatkuasakan mulai Februari 2024. ii. Mereka yang terlibat termasuk: a) Isteri arwah Dato Dr Hassan M Daud; b) Isteri arwah Abdul Rahim Bin Rashid (Prof Jariah); c) Isteri arwah Hj Hishamuddin Hj Ibrahim; d) Isteri arwah Tuan Hj Arifin Bin Karim (Hjj Normi Bte Nasaruddin); e) Isteri arwah Dr Mansor Bin Hashim; f) Isteri Muhammad Peter Davies (Dr Zainur Alsmi Binti Sharif @ Dr Noni); dan g) Isteri arwah Hj Abu Hassan bin Johan.
4	Para 9(1)	Bantahan kepada Majlis Tempatan melalui Ahli Dewan Undangan Negeri mengenai pemasangan Tower 5G di persimpangan Jalan 3/3 dan Jalan Masuk ke Surau Al Madani diantara Taman Mainan Kanak-kanak dan Gelanggang Bola Jaring.	i. Bantahan telah dikemuka pada 31 Januari 2024.
5	Para 9(3)	Cadangan menarik minat kumpulan muda melalui pelbagai aktiviti seperti Kumpulan Kompang, ICT dan atau Seni mempertahankan diri.	i. Tindakan susulan menarik minat kumpulan muda melalui pelbagai aktiviti seperti Kumpulan Kompang, ICT dan atau Seni mempertahankan diri telah diambil melalui Surat jemputan pada 04 Mac 2024 dengan Tarikh tutup pada 04 April 2024; ii. Pada tarikh tutup penyertaan 04.04.2024, Tuan SU laporkan tiada ahli atau ahli keluarga yang memohon;

BIL	RUJUKAN	PERKARA	MAKLUMBALAS
			iii. Mesyuarat JKPP memutuskan untuk membatalkan cadangan tersebut.
6	Para 9(4)	Restoran Semi D di No 1 Jalan 3/4D.	i. Restoran telah diarah tutup oleh MPKJ pada 27 Jun 2024.

LAMPIRAN A3

**LAPORAN SETIAUSAHA
(01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024)**

1. PENDAHULUAN

- a) Peranan Setiausaha adalah untuk menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan, dokumentasi serta penyelarasan aktiviti antara Jawatankuasa Kecil.
- b) Setiausaha juga berperanan sebagai perantara antara Persatuan Penduduk dengan agensi luar seperti MPKJ, Pejabat Ahli Majlis dan sebagainya.
- c) Fasal 8 (5) Perlembagaan menetapkan bahawa Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun.
- d) Lima Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan berpandukan kepada keperluan semasa seperti berikut:

BIL	JKK	PENGERUSI
1	JKK Keselamatan	Hj Osman Bin Hj Abd Aziz
2	JKK Kesejahteraan & Alam Sekitar	Tuan Hj Hamdan Bin Ghazali
3	JKK Sukan & Riadah	En Hamdan bin Mohd Salleh
4	JKK Teknologi	Hj Asrulsani bin Shahnnon
5	JKK Kesihatan	Prof Dr Hj Dzolkhifli bin Omar

2. MESYUARAT AJK

- a) Bagi tempoh 01 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024, AJK telah bermesyuarat sebanyak 8 kali seperti butiran berikut:

BIL	MESYUARAT	TARIKH	TARIKH MINIT DIEDAR
1	JKPP Bil 1/2024	28.02.2024	28.02.2024
2	JKPP Bil 2/2024	23.04.2024	23.04.2024
3	JKPP Bil 3/2024	21.06.2024	22.06.2024
4	JKPP Khas Bil 1/2024	25.06.2024	25.06.2024
5	JKPP Bil 4/2024	13.08.2024	13.08.2024
6	JKPP Bil 5/2024	04.10.2024	05.10.2024
7	JKPP Bil 6/2024	08.11.2024	09.11.2024
8	JKPP Bil 7/2024	06.12.2024	07.12.2024

- b) Semua mesyuarat diadakan di Ruang Legar Surau Al Madani.

3. URUSAN DENGAN AHLI MAJLIS ZONE 17 KAJANG

- a) Pada 16 September 2024, Persatuan Penduduk telah kemuka permohonan memasang Lampu Trafik dan atau **membaiki bonggol jalan** di persimpangan Jalan 3/4 dan Jalan Pekeliling. Permohonan ini adalah bertujuan untuk:
 - i. Mengelakkan kemalangan;
 - ii. Mengurangkan kesesakan trafik; dan
 - iii. Memudahkan aliran trafik.
- b) Dalam hal ini, Persatuan mohon agar diambil pertimbangan iaitu **kemudahan jalan** adalah **statik dan tidak seiring** dengan pertumbuhan bilangan penduduk, bilangan kenderaan, kemudahan awam seperti sekolah, masjid, klinik kesihatan dan sebagainya.
- c) 15 ahli persatuan telah hadir pada perjumpaan dengan Ahli Majlis berserta dengan Wakil Jabatan Kerja Raya serta Wakil Jabatan Kejuruteraan MPKJ pada 10 Oktober 2024 di Surau Al Madani.
- d) Di akhir perbincangan beberapa persetujuan penambahbaikan dicapai seperti berikut:
 - i. Tindakan segera untuk memotong pokok-pokok dan atau memindah / melupus papan tanda sedia supaya pergerakan trafik lebih *visible*;
 - ii. Memasang *speed breaker* warna merah dengan ketebalan 10mm;
 - iii. Memasang Papan tanda Had Laju;
 - iv. Melebarkan jalan keluar masuk dari Jalan 3/4 ke Persiaran Pekeliling;
 - v. Menjalankan kajian menyeluruh/bancian lalu lintas segera (Persiaran Pekeliling / Jalan 3/4 serta kawasan berdekatan) bagi pertimbangan peruntukan membina bonggol dan Lampu Trafik. Dijangka tempoh perlaksanaan 6 bulan selepas mendapat kelulusan;
 - vi. Melihat dan ambil maklum kaedah mendapatkan pemasangan Lampu Trafik di persimpangan Jalan Reko dan Jalan 5 kerana jarak antara Lampu Trafik seterusnya adalah 150 meter; dan
 - vii. Membaik pulih laluan Pejalan Kaki di hadapan Kebun Komuniti Jalan 3 dalam lingkungan 100 meter.
- e) Persatuan telah juga membangkitkan beberapa isu melalui surat bertarikh 13 Mei 2024 seperti berikut:
 - i. **Pokok Jejawi** yang amat besar tumbuh dalam longkang monsun berhampiran Jalan 3/2M.
 - ii. **Pokok besar** berhampiran Tadika NURI (27 Jalan 3/4) di persimpangan Jalan 3/3 dan 3/4.

- iii. **Tiang elektrik TNB yang tidak dipasang lampu.** Terdapat 98 tiang lampu TNB dalam kawasan Persatuan Penduduk dimana 60 adalah berlampu. Baki 30 tiang TIDAK berlampu. Kawasan gelap yang perlu ditangani adalah kawasan persimpangan, kawasan tadika / Tahfiz atau kawasan di mana ramai orang / kanak2 sekolah lalu Lalang.

f) Bagi perkara 3(e) di atas, masih belum ada jawapan dari Ahli Majlis.

4. GERAN KOMUNITI MADANI PROGRAM SEJATI ICU / ROS.

- a) Persatuan Pertubuhan telah mengemuka permohonan Geran Komuniti Madani Program Sejati ICU/ROS berjumlah RM 29,625.00 pada 13.09.2024 dan mendapat kelulusan pada 27.09.2024 dengan amaun berjumlah RM29,700.00 untuk Projek tanaman Cendawan.
- b) Satu Jawatankuasa Kecil Pelaksana telah di tubuh pada 04.10.2024 dengan melantik Tuan Hj Abdul Ghani Bin Abdullah sebagai Pengurus Projek dan Tuan Hj Hamdan Bin Ghazali sebagai Bendahari. Satu akaun bank subsidiari juga telah setuju dibuka bagi urusan Kewangan Projek;

5. PEMASANGAN LAMPU SOLAR DI JALAN 3/2M DAN JALAN 3/2L

- a) Empat (4) unit lampu solar sedang diuji di jalan 3/2M dan 3/2L pada 9 Disember 2024.

6. PENUTUP

Laporan Setiausaha dikemuka untuk makluman Mesyuarat Agung.

LAMPIRAN A4

**LAPORAN TAHUNAN
JAWATANKUASA KECIL KESELAMATAN
(01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024)**

1. TUJUAN

Laporan tahunan Jawatankuasa Kecil Keselamatan Kecil (JKK) Keselamatan disediakan untuk dibentang di Mesyuarat Agung Persatuan Penduduk bagi makluman ahli persatuan.

2. AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN

2.1 Meneruskan kawalan keselamatan seperti berikut:-

- a) Kawalan keselamatan secara statik dan rondaan setiap 3 jam;
- b) Khidmat kawalan keselamatan 24 x 7;
- c) Jumlah Pengawal seramai 3 orang bekerja dalam 2 syif;
- d) Seorang berkawal di siang hari dan dua orang berkawal di malam hari. (Syif #1 dari 08:00 pagi – 08:00 malam; syif #2 dari 08:00 malam – 08:00 pagi); dan
- e) Membuka POS Khemah di Jalan 3/4 pada 06 Oktober 2024.

2.2 Jadual waktu buka dan tutup pintu masuk adalah seperti berikut:

BIL	PINTU	WAKTU BUKA	WAKTU TUTUP
1	A	5:30 pagi hingga 12:00 malam (ada pengawal bertugas)	12:00 malam hingga 5:30 pagi (ada pengawal bertugas)
2	B	5:30 pagi hingga 10:00 malam	10:00 malam hingga 5:30 pagi
3	C	5:30 pagi hingga 08:00 malam	08:00 malam hingga 5:30 pagi

3. INSIDEN KESELAMATAN

3.1 Pemasangan 8 unit CCTV serta Poster Rakaman Kejadian Curi telah membantu mengurangkan insiden curi dari Peti Besi Surau. Bagi sepanjang tahun 2024, tiada kejadian curi dari Peti Besi Surau.

3.2 Walau bagaimana pun terdapat insiden keselamatan seperti berikut:

BIL	TARIKH	BUTIRAN
1	25.10.2024	kejadian pembakaran Terbuka Jam 1:11 tengah hari di sebelah Gelanggang Bola Jaring Jalan 3/3
2	07.11.2024	Cubaan curi kabel di persimpangan Jalan 3/4 dan Jalan 3/2 pada 07.11.2024 jam 5 pagi

4. Program Ceramah dan Peringatan

BIL	TARIKH	TAJUK
1	13.01.2024	Ceramah Pengurusan Kewangan Dan Pengurusan Harta dengan kerjasama LTH Group Asia wakil PRUBSN Takaful Berhad
2	03.02.2024	PERINGATAN: Semakan Taksiran Majlis Perbandaran Kajang 2024
3	12.02.2024	PERINGATAN : Semakan dan bayaran cukai tanah pejabat tanah dan galian Selangor 2024
4	21.03.2024	CADANGAN MENYEMAK: Kemungkinan Wujud Wang Tak Dituntut (WTD) Milik Ahli Persatuan Penduduk
5	22.05.2024	PERKONGSIAN ILMU – Wang Tak Dituntut (WTD)
6	17.07.2027	PERINGATAN Terhadap Larangan Pembakaran Terbuka
7	17.07.2024	Arahan Kepada Pengawal Keselamatan Untuk Melapor Kejadian Pembakaran Terbuka Di Kawasan Persatuan Penduduk
8	11.10.2024	Notis Penutupan Kawasan Gelanggang Bola Jaring pada setiap hari Jumaat Mulai jam 12 tgh hingga jam 3 petang.
9	17.10.2024	PERINGATAN - Tunggakan Yuran Khidmat Kawalan Keselamatan Persatuan Penduduk Jalan 3/2, 3/3, 3/4 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi

5. WANG TAK DITUNTUT (WTD)

5.1 Membantu Ahli Persatuan dan keluarga membuat tuntutan dan mendapat bayaran balik sebanyak RM10,798.93.

6. PENUTUP

Laporan JKK Keselamatan dikemuka untuk makluman Mesyuarat Agung. JKK Keselamatan merakamkan terima kasih atas sokongan, kerjasama dan cadangan ahli Persatuan bagi membolehkan perkhidmatan disediakan dengan sebaiknya.

LAMPIRAN A5

**LAPORAN TAHUNAN
LAPORAN JKK KESEJAHTERAAN & ALAM SEKITAR
(01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024)**

1. TUJUAN

Laporan tahunan JKK Kesejahteraan & Alam Sekitar (JKK KAS) disediakan untuk di bentang di Mesyuarat Agung Persatuan Penduduk bagi makluman semua ahli persatuan.

2. AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN**2.1 Program Kibar Jalur Gemilang Hari Kemerdekaan 2024**

- a) Bagi memeriahkan bulan merdeka Ogos 2024, JKK KAS telah menjalankan kempen melalui grup whatsapp & dalam portal PP menggalakkan semua ahli penduduk untuk bersama-sama mengibar jalur gemilang di setiap rumah. Sambutan pada tahun ini adalah menggalakkan berbanding dengan sambutan tahun lepas.
- b) Di ketiga tiga pos pengawal pihak AJK PP telah mengibarkan jalur gemilang mulai dari awal bulan Ogos hingga ke awal bulan September.

3. PROGRAM CERAMAH

- 3.1 Persatuan telah memohon untuk mendapatkan tong kitar semula pada 18 Ogos 2022 dan masih menunggu jawapan resmi dari MPKJ.

BIL	TARIKH	TAJUK
1	11.07.2014	Taklimat oleh FOMCA mengenai Program Pemerkasaan Pengguna 2024 pada 11 Julai 2024

PENUTUP

Laporan JKK Kesejahteraan & Alam Sekitar di kemuka untuk makluman Mesyuarat Agung. JKK Kesejahteraan & Alam Sekitar mengucapkan & merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan, kerjasama semua ahli Persatuan bagi menjayakan program yang di rancangan dengan sebaiknya. JKK Kesejahteraan & Alam Sekitar juga mengalu-alukan cadangan dari ahli dari masa ke masa untuk memantapkan lagi program masa depan persatuan.

LAMPIRAN A6

**LAPORAN TAHUNAN
LAPORAN JKK SUKAN & RIADAH
(01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024)**

1. PENDAHULUAN

Laporan tahunan Jawatan Kuasa Kecil Sukan dan Riadah disediakan untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung Persatuan Penduduk sebagai makluman.

2. AKTIVITI YANG TELAH LAKSANAKAN DAN DITERUSKAN

- a. Meneruskan Program mingguan 'Keep on Walking' bermula jam 8.20 pagi hingga 9.00 pagi. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli-ahli Persatuan Penduduk. Minuman air mineral dan juadah ringan disediakan;
- b. Mengambil alih pengurusan Taman Herba; dan
- c. Mengurus, mengoperasi dan melaksanakan Program Geran Sejati Madani anjuran ICU/ROS berjumlah RM29,700.00 termasuk mereka bentuk Rumah Cendawan di Taman Herba.

3. PROGRAM CERAMAH

BIL	TARIKH	TAJUK
1	08.08.2024 Khamis 5:10 Petang Hingga 6:30 Petang	Smile Makeover dengan kerjasama Stellar Dental.

PENUTUP

Laporan tahunan Jawatan Kuasa Kecil Sukan dan Riadah dibentangkan di Mesyuarat Agung Persatuan Penduduk sebagai makluman.

JKK Sukan & Riadah mengalu-alukan cadangan dan sokongan daripada ahli persatuan untuk mencadangkan aktiviti sesuai untuk kebaikan dan kemajuan Persatuan Penduduk kita.

LAMPIRAN A7

**LAPORAN TAHUNAN
LAPORAN JKK TEKNOLOGI
(01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024)**

1. TUJUAN

Laporan tahunan Jawatankuasa Kecil Keselamatan Kecil (JKK) Teknologi disediakan untuk dibentang di Mesyuarat Agung Persatuan Penduduk bagi makluman ahli persatuan tentang usaha JKK Teknologi menerapkan unsur-unsur keberkesanan Teknologi kepada ahli-ahli khususnya dan kepada Persatuan Penduduk dan persekitaran kawasan secara amnya.

2. AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN

2.1 Meneruskan dan penyelenggaraan modul dan sistem teknologi seperti berikut:-

- a) PORTAL Persatuan Penduduk di <https://www.ppj3-234s3.my>.
 - Kemaskini lawan web supaya maklumat dan berita terkini di paparkan kepada ahli.
- b) Sistem Bayaran dan Penjana Resit Persatuan Penduduk.
 - Mengemaskini bayaran yuran dan sumbangan serta menjana resit masing-masing.
- c) Membantu JKK lain untuk memaparkan aktiviti-aktiviti masing-masing untuk penerangan kepada ahli dan penduduk.
 - Menjana e-poster, *banner* dan e-video.
 - Mengendalikan 8 unit CCTV untuk JKK Keselamatan.

3. PROGRAM CERAMAH

BIL	TARIKH	TAJUK
1	15.12.2024 Ahad 9:00 Pagi Hingga 11:00 Pagi	Komuniti Nutrisi Sihat di Dewan Solat Utama Surau Al Madani

3. PENUTUP

Laporan JKK Teknologi dibentang untuk makluman Mesyuarat Agung.

LAMPIRAN A8

**LAPORAN TAHUNAN
LAPORAN JKK KESIHATAN
(01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024)**

1. TUJUAN

Laporan tahunan JKK Kesihatan disediakan untuk di bentang di Mesyuarat Agung Persatuan Penduduk bagi makluman semua ahli persatuan.

2. AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN

- a. Perkongsian ceramah dengan kerjasama wakil Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dan Living Health Farmacy seperti berikut;

BIL	TARIKH	TAJUK
1	05.08.2024	Dementia bertajuk – Punca, Pengendalian dan Komitmen terhadap Ahli Keluarga
2	25.08.2024	Komuniti Nutrisi Sihat

3. PENUTUP

Laporan JKK Kesihatan dibentang untuk makluman Mesyuarat Agung.

LAMPIRAN A9

**LAPORAN TAHUNAN
LAPORAN BENDAHARI
(01 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024)**

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN AKAUN PROJEK (CIMB
8606018754) UNTUK TEMPOH 1 OKTOBER 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024**

BAKI AWAL WANG DI BANK PADA 1 OKTOBER 2024 **0.00**

1. PENDAPATAN :**NOTA****A. Hasil Aktiviti Menjana Dana**

a. Jualan Amal	1	2,511.00
----------------	---	----------

B. Pendapatan Pelaburan

a. Penerimaan Pelaburan dari Akaun Utama	2	29,700.00
--	---	-----------

a. Bayaran Balik Perkakasan	3	945.71
-----------------------------	---	--------

JUMLAH PENDAPATAN

	33,156.71
--	------------------

2. PERBELANJAAN :**A. Perbelanjaan Aktiviti Menjana Dana**

b. Perbelanjaan Pelaburan	4	22,920.12
---------------------------	---	-----------

B. Kos Pentadbiran


a. Caj Bank	5	15.00
-------------	---	-------

JUMLAH PERBELANJAAN

	22,935.12
--	------------------

BAKI AKHIR WANG DI BANK 31 DISEMBER 2024

10,221.59

Di Sediakan**Di Audit****Di Sahkan****Di Luluskan**


Hj. Asrulsani bin Shahnon
Bendahari
1/1/2025



Hj Mansor bin Jusoh
JuruAudit
1/1/2025



Hamdan bin Mohd. Salleh
Setiausaha
1/1/2025



Hj. Osman bin Abd Aziz
Pengerusi
1/1/2025

NOTA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN AKAUN PROJEK (CIMB 8606018754):

1	Jualan Cendawan PP	2,511.00
2	Menerima Pelaburan dari Akaun Utama (CIMB 8604844743)	29,700.00
3	PEMBAYARAN BALIK PEMBELIAN PERKAKASAN	
	(a) Sistem Misting	387.42
	(b) Power Station	440.59
	(c) Tisu Paper	7.00
	(d) Ceiling Fan	110.70
4	PERBELANJAAN PELABURAN	
	(a) Pembinaan Rumah Cendawan	14,000.00
	(b) Bongkah Cendawan Batch 1	1,600.00
	(c) Sistem Misting	774.84
	(d) Lampu Solar Rumah Cendawan	252.84
	(e) Bongkah Cendawan Batch 2	1,920.00
	(f) Delivery Bongkah Batch 1	65.10
	(g) Delivery Bongkah Batch 2	85.10
	(h) Barang2 Keperluan Rumah Cendawan	79.10
	(i) Plastik Wrap	128.65
	(j) Ceiling Fan	110.70
	(k) Kerja2 Penyelenggaraan Rumah Cendawan	1,786.00
	(l) Penimbang Digital	44.94
	(m) Water Sprayer Utk Bongkah	45.22
	(n) Bakul dan Marker	31.20
	(o) Tisu Paper	7.00
	(p) Duplicate kunci stor	12.00
	(q) Power Station untuk Misting, Kipas dll	440.59
	(r) Chiller	1,227.74
	(s) Solar Fan	236.42
	(t) Temperature & Humidity Data Logger	72.68
5	Caj Pencarian Untuk Buka Akaun Baru	15.00

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN AKAUN UTAMA (CIMB 8604844743)
UNTUK TEMPOH 1 JANUARI 2024 HINGGA 31 DISEMBER 2024**

BAKI AWAL WANG DI BANK PADA 1 JANUARI 2024 **35,210.26**

1. PENDAPATAN :

NOTA

A. Pendapatan Operasi

a. Yuran Ahli	1	149,770.00
b. Kutipan Dana	2	3,992.00
c. Derma	3	980.00

B. Penerimaan Geran

a. Agensi Kerajaan	4	29,700.00
--------------------	---	-----------

JUMLAH PENDAPATAN

184,442.00

2. PERBELANJAAN :

A. Perbelanjaan Operasi

a. Perbelanjaan Kebajikan	5	120,164.60
---------------------------	---	------------

B. Perbelanjaan Aktiviti Menjana Dana

a. Perbelanjaan Penganjuran Aktiviti	6	766.65
b. Perbelanjaan Pelaburan	7	29,700.00

C. KOS PENTADBIRAN

a. Elaun, Gaji atau Upah	8	6,000.00
b. Penyelenggaraan	9	3,390.93
c. Jamuan	10	1,880.00
d. Fotostat	11	37.80

JUMLAH PERBELANJAAN

161,939.98

BAKI AKHIR WANG DI BANK 31 DISEMBER 2024

57,712.28

Di Sediakan



Hj. Asrulnani bin Shahnon
Bendahari
1/1/2025

Di Audit



Hj Mansor bin Jusoh
JuruAudit
1/1/2025

Di Sahkan



Hamdan bin Mohd. Salleh
Setiausaha
1/1/2025

Di Luluskan



Hj. Osman bin Abd Aziz
Pengerusi
1/1/2025

NOTA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN AKAUN UTAMA (CIMB 8604844743):

1	YURAN AHLI	
	(a) Yuran Khidmat Keselamatan bulan Januari 2024 adalah sebanyak RM50. (b) Yuran Khidmat Keselamatan bulan Februari 2024 dan seterusnya adalah RM80 sebulan.	149,770.00
2	KUTIPAN DANA	
	(a) Sumbangan Mesyuarat Agong Bil 1/2024	2,250.00
	(b) Sumbangan Ramadhan 2024	1,742.00
3	DERMA/SUMBANGAN	
	(a) Sumbangan Ahli	490.00
	(b) Sumbangan Pembinaan Bonggol Jalan 3/3	250.00
	(c) Sumbangan sewa RORO Jalan 3/3A	240.00
4	Menerima Geran ICU Sejati Madani	29,700.00
5	Pengajian Pengawal-pengawal Keselamatan	120,164.60
6	PERBELANJAAN PENGANJURAN AKTIVITI	
	(a) Jamuan Ceramah Pengurusan Kewangan	450.00
	(b) Tuntutan Pentadbiran Ceramah Dementia	150.90
	(c) Bayaran Untuk Banner AGM 1/2024 dan 1/2025	165.75
7	Pindahan ke Akaun Projek (CIMB 8606018754) untuk Tujuan Pelaburan Cendawan Tiram	29,700.00
8	Bayaran elaun bendahari seperti kelulusan Mesyuarat Online Bil. 4/2021 berjumlah RM500 sebulan bermula Oktober 2021.	6,000.00
9	PEYELENGGARAAN	
	(a) Renewal Simcard CCTV	140.00
	(b) Beli SD Card POS C dan Dapur CCTV	70.00
	(c) Beli Kipas Angin POS A (Jumlah RM181 di mana RM160 di bayar yuran bulanan SU)	21.00
	(d) Renew Domain ppj-234s3.my	320.76
	(e) Transport Tiang Lampu Solar PP	296.80
	(f) Pembelian Anak Pokok Kelapa SGG Untuk Surau Madani	245.17
	(g) Pembinaan Bonggol Jalan 3/3	1,900.00
	(h) Pembelian Lampu Solar untuk PP	397.20
10	Jamuan AGM 1/2024	0.00
11	Fotostat Dokumen AGM 1/2024	37.80